

SOALAN NO: 506

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN CHUA TIAN CHANG @ Tian Chua

SOALAN:

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kadar pengangguran di Malaysia. Senaraikan berdasarkan negeri, umur dan jantina. Apakah rancangan Kementerian untuk mewujudkan lebih peluang pekerjaan bagi setiap warga negara.

PR-1341-T72606

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Statistik pengangguran dan kadar pengangguran diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB). Maklumat penganggur berdasarkan PTB hanya merujuk kepada penganggur dalam tempoh rujukan (tahun semasa).
2. Berdasarkan maklumat tersebut, kadar pengangguran mengikut negeri bagi separuh tahun pertama 2014 dan separuh tahun pertama 2015 adalah seperti di **Jadual 1**.
3. Kadar pengangguran mengikut jantina bagi separuh tahun pertama 2014 dan separuh tahun pertama 2015 adalah seperti di **Jadual 2** dan kadar pengangguran mengikut kumpulan umur bagi separuh tahun pertama 2014 dan separuh tahun pertama 2015 adalah seperti di **Jadual 3**.

**Jadual 1: Kadar pengangguran mengikut negeri, Malaysia, separuh tahun pertama 2014 (H1/2014) dan separuh tahun pertama 2015 (H1/2015)**

Negeri	Kadar pengangguran (%)	
	H1/2014	H1/2015
Malaysia	3.0	3.1
Johor	2.7	3.2
Kedah	2.7	2.5
Kelantan	3.5	3.8
Melaka	0.9	1.0
Negeri Sembilan	2.7	3.2
Pahang	2.7	2.7
Pulau Pinang	1.8	1.8
Perak	3.6	3.2
Perlis	3.8	3.0
Selangor	2.1	2.4
Terengganu	3.9	4.6
Sabah	4.9	4.5
Sarawak	3.6	3.6
W.P. Kuala Lumpur	2.8	3.3
W.P. Labuan	5.1	5.5
W.P. Putrajaya	1.0	1.0

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 2: Kadar pengangguran mengikut jantina, Malaysia, separuh tahun pertama 2014 (H1/2014) dan separuh tahun pertama 2015 (H1/2015)**

Jantina	Kadar pengangguran (%)	
	H1/2014	H1/2015
Malaysia	3.0	3.1
Lelaki	2.8	2.9
Perempuan	3.3	3.3

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

**Jadual 3: Kadar pengangguran mengikut kumpulan umur, Malaysia, separuh tahun pertama 2014 (H1/2014) dan separuh tahun pertama 2015 (H1/2015)**

Kumpulan umur	Kadar pengangguran (%)	
	H1/2014	H1/2015
Malaysia	3.0	3.1
15-24	10.1	11.2
25-34	2.6	2.7
35-44	1.0	0.9
45-54	0.6	0.6
55-64	0.6	0.3

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan program-program bagi membantu pencari-pencari kerja untuk memperoleh kerja sebagai salah satu usaha untuk memastikan gunatenaga penuh dalam pasaran buruh. Di antara program-program yang akan dilaksanakan adalah :

- i) Lawatan keperluan gunatenaga untuk mengesan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat untuk hebahan kepada pencari kerja;
- ii) Promosi kepada majikan-majikan untuk mengiklankan kekosongan jawatan di dalam Portal JobsMalaysia bagi membolehkan pencari kerja yang berdaftar dalam portal ini mendapat maklumat yang lengkap;
- iii) Program temuduga terbuka di premis-premis majikan, di Pejabat Tenaga Kerja Daerah (PTK) serta di Pusat JobsMalaysia.
- iv) Mengadakan kerjasama secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia dengan melibatkan rangkaian perkhidmatan seperti penyedia latihan, pinjaman, akreditasi latihan dan pepadanan penempatan pekerjaan. Ia meliputi peranan yang boleh dimainkan oleh agensi/jabatan di bawah KSM.

v) Kerjasama Dengan Agensi-agensi Lain seperti Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) dibawah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

vi) Membantu program-program lain yang melibatkan siswazah seperti program Talent Corporation, *Graduate Employability Scheme (GEMs)*.

5. Melalui program-program yang telah dijalankan, sehingga Disember 2015 JTK telah berjaya menempatkan seramai 223,967 orang pekerja di dalam pelbagai kategori pekerjaan. Pecahan penempatan pekerjaan sehingga Disember 2015 adalah seperti berikut :

**Penempatan Mengikut Kategori Pekerjaan (MASCO)  
Sehingga Disember 2015**

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Pekerjaan</b>	<b>Bilangan Penempatan</b>
1.	Pengurusan	7,191
2.	Profesional	20,997
3.	Juruteknik & Profesional Bersekutu	25,427
4.	Perkeranian	22,460
5.	Perkhidmatan & Jualan	51,958
6.	Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan & Perikanan	2,233
7.	Pekerja Pertukangan & Yang Berkaitan	4,753
8.	Operator, Loji, mesin & Pemasang	44,911
9.	Pekerja Asas	39,927
10.	Tentera	4,110
	<b>JUMLAH</b>	<b>223,967</b>